

Tiada tolak ansur bakar al-Quran

BH - 27/11/2023 m/s 2

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi pendirian Malaysia tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan membakar buku atau kitab suci mana-mana agama.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menghargai kemanusiaan, menghormati hak dan kepercayaan setiap individu.

"Kita di Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan tindakan membakar al-Quran, buku dan teks agama termasuk kitab Injil kerana kita menghormati kemanusiaan, hak dan kepercayaan setiap orang.

"Kita tidak boleh kata ini (bakar al-Quran) sebagai kebebasan. Kebebasan itu kepada perkara yang benar bukannya bebas untuk membunuh, bertindak tidak berperikemanusiaan untuk menekan pihak lain," katanya se-

lepas Majlis Pelancaran Buku *Himpunan Esei Knowledge, Tradition and Civilization: Essays in Honour of Professor Osman Bakar* di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-IIUM), semalam.

Sebelum ini, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Islamofobia ahli politik sayap kanan Sweden, Rasmus Paludan yang membakar al-Quran di Stockholm.

Anwar berkata, kerajaan Sweden perlu mengambil tindakan tegas terhadap pelaku dan memastikan langkah drastik diambil pada masa depan dalam menangani peningkatan membimbangkan Islamofobia di negara berkenaan.

Ketika ditanya mengenai tindakan PAS yang akan mengan-

jurkan himpunan solidariti membantah tindakan Islamofobia oleh ahli politik Sweden itu, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mempunyai halangan untuk itu meskipun PAS dilihat agak terlewat dalam menyatakan pendirian berhubung perkara berkenaan.

"Mereka (PAS) ada hak untuk berbuat demikian. Tiada isu mengenai protes (yang akan diadakan esok oleh PAS), mereka harus tunjukkan pandangan mereka.

"Jika PAS mahu lakukan begitu, mereka boleh lakukan tapi kerajaan telah membuat perkara itu (bantahan), malah sudah hubungi Duta Sweden dan nyatakan dengan jelas pendirian Malaysia.

"Kenyataan kita amat tegas tapi mereka (PAS) agak terlewat untuk nyatakan pendirian," katanya.